

28/04/2001

PM tidak tahu keputusan Mokhzani

Zainuddin Ayip in Dubai

DUBAI, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak campur tangan dengan keputusan anaknya, Datuk Mokhzani, yang mahu berundur daripada dunia korporat dan seterusnya bergiat cergas dalam politik.

"Itu keputusan dia. Saya tak tahu. Saya baru tiba di sini (Dubai)," kata Perdana Menteri kepada wartawan Malaysia ketika mengunjungi hotel termewah di dunia, Burj Al-Arab, di sini petang ini.

Ketika ditanya mengapa Mokhzani membuat keputusan terburu-buru, beliau berkata: "Saya tak tahu. Tanyalah dia. Kalau saya, biarlah dia terus berniaga asalkan tidak mengambil projek yang ada kaitan dengan kerajaan."

Bagaimanapun, katanya, Mokhzani ada juga mendapat projek kerajaan termasuk hospital, tetapi kelulusan projek itu tidak melaluinya.

"Sudah menjadi dasar kerajaan dalam sesuatu mesyuarat Kabinet, jika ada keluarga menteri termasuk saya sendiri terbabit dalam sesuatu projek, orang itu mesti keluar mesyuarat. Saya juga pernah keluar beberapa kali.

"Bagaimanapun, tindakan Mokhzani mungkin ada kaitan dengan teguran pembangkang di Dewan Rakyat baru-baru ini mengenai pembabitannya dalam projek di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah di Subang.

"Apa yang saya tahu Kemunting Corporation Berhad (KCB) yang dapat projek itu. Mokhzani tidak ada kepentingan dalam KCB, tetapi ada syarikat lain di bawah syarikatnya ada sedikit kepentingan dalam KCB.

"Itupun tidak banyak, cuma 0.2 peratus yang dianggap terlalu kecil," katanya merujuk kepada projek Pusat Pameran dan Persidangan Negara (NECC) yang sedang dibina di kawasan bekas lapangan terbang itu.

Semalam, Mokhzani mengumumkan pengundurannya dari dunia korporat, termasuk menjual keseluruhan pegangannya dalam syarikat tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), terutama Pantai Holdings dan Tongkah Holdings.

Mokhzani mempunyai 12.6 peratus kepentingan langsung dalam Tongkah Holdings dan 32.9 peratus dalam Pantai Holdings.

Mengenai lawatan kerja dua hari ke Dubai, Dr Mahathir berkata kunjungan itu lebih berhasil daripada jangkannya.

"Saya fikir cuma disuruh berucap dalam satu majlis forum saja, tetapi saya dapat peluang melihat persekitaran Dubai. Di sini banyak peluang perniagaan, termasuk industri mengeluarkan aluminium yang boleh digunakan untuk projek hidro-elektrik Bakun," katanya.

Beliau berkata, peluang perniagaan dalam bidang kewangan dan barangan boleh dikembangkan, apa lagi Dubai disifatkan sebagai pusat perniagaan Timur Tengah, seperti Singapura di Asia Tenggara.

Perdana Menteri juga kagum dengan usaha Emiriah Arab Bersatu (UAE) menarik pelancong.

"Saya dapat tahu penduduknya cuma dua juta orang, tetapi pelancong yang datang tiga juta orang setahun, kebanyakannya berpoket tebal," katanya.

Selain itu, Dr Mahathir berkata hotel penginapan juga bermutu tinggi dan mewah, termasuk Burj Al-Arab yang diiktiraf tujuh bintang dan turut mempunyai daya tarikan pelancong.

Hotel itu mengenakan kadar sewa antara RM4,000 hingga RM12,000 semalam. Pengunjung yang melihat persekitaran hotel itu saja dikenakan bayaran RM100 bagi hari biasa dan RM200 pada hujung minggu.

Sehubungan itu, Perdana Menteri juga akan meminta menteri berkaitan ekonomi, perdagangan dan pelancong datang ke Dubai untuk mengkaji kemungkinan peluang dan projek usahasama antara kedua-dua negara.

(END)